**UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM**

# PENDAFTARAN MAKLUMAT MBIP MELALUI AKHBAR UNTUK BULAN JUN 2019

| BIL. | NO. RUJUKAN | TARIKH | JENIS AKHBAR | JENIS ARTIKEL | TAJUK |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 006-2019/001 | 04.06.2019 | Harian Metro | Info PBT | Izin mohon buat semakan |
| 2. | 006-2019/002 | 04.06.2019 | Berita Harian | Info PBT | PBT perlu efisien tangani masalah, permudah urusan rakyat |
| 3. | 006-2019/003 | 04.06.2019 | Berita Harian | Info PBT | 51 Orang Asli dapat kebenaran buat semakan kehakiman |
| 4. | 006-2019/004 | 09.06.2019 | Utusan Malaysia | Info PBT | Hantar anak ikuti kelas renang hindari lemas – Lam Thye |
| 5. | 006-2019/005 | 11.06.2019 | Harian Metro | Info PBT | Kasar tapi efektif |
| 6. | 006-2019/006 | 11.06.2019 | Sinar Harian | Info PBT | Johor guna panel solar di bangunan pentadbiran kerajaan negeri tahun depan |
| 7. | 006-2019/007 | 19.06.2019 | Berita Harian | Info PBT | KPDNHEP pantau Pasar Borong Pandan |
| 8. | 006-2019/008 | 24.06.2019 | Harian Metro | Info PBT | Menara MBJB gabung teknologi jimat tenaga |
| 9. | 006-2019/009 | 24.06.2019 | Sinar Harian | Info PBT | Menara setanding Burj Khalifa |
| 10. | 006-2019/010 | 25.06.2019 | Utusan Malaysia | Info PBT | Tragedi Sungai Kim Kim 2.0 |
| 11. | 006-2019/011 | 27.06.2019 | Harian Metro | Info PBT | Pusat Gerakan Operasi Pemantauan lengang |

**RINGKASAN LAPORAN UNTUK BULAN JUN 2019 :**

| JENIS ARTIKEL | JUMLAH |
|---|---|
| **ADUAN** | **0** |
| **INFO MBIP** | **0** |
| **INFO PBT** | **11** |
| **JUMLAH** | **11** |

# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

| | | |
|---|---|---|
| No. Daftar | : | 006-2019/001 |
| Tarikh | : | 04.06.2019 (Selasa) |
| Jenis Akhbar | : | Harian Metro |
| Jenis Artikel | : | Info PBT |
| Tajuk Artikel | : | Izin mohon buat semakan |

## Izin mohon buat semakan

**Johor Bahru:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam, membenarkan permohonan 51 Orang Asli Seletar dari Kampung Orang Asli Kuala Masai bagi membuat semakan kehakiman selepas gagal menerima pampasan ke atas tanah mereka di Stulang Laut sejak 2010.

Perintah kebenaran itu dikeluarkan Hakim Mahkamah Tinggi, See Mee Chun selepas menerima permohonan difailkan plaintif yang diwakili peguam Tan Poh Lai pada jam 9 pagi semalam.

Plaintif dalam permohonan semakan kehakiman itu terdiri daripada 51 Orang Asli Seletar yang dipindahkan dari perkampungan mereka di Stulang Laut ke Kampung Orang Asli Kuala Masai diketuai Kelah Lah, 38, dan Khalip Bachik, 57.

Mereka menamakan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Ketua Pengarah Hal Ehwal Orang Asli sebagai responden pertama hingga ketiga.

Plaintif mendakwa, responden gagal mengambil langkah yang perlu untuk menyelesaikan isu pampasan tanah mengikut perintah yang dikeluarkan Mahkamah Tinggi di sini, pada 22 September 2010.

Pada ketika itu, Mahkamah Tinggi memerintahkan plaintif perlu dibayar pampasan mengikut Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 iaitu pengambilan balik yang salah di sisi undang-undang dan pampasan itu perlu ditaksir oleh Pentadbir Tanah Johor Bahru.

**FAKTA**
51 Orang Asli Seletar dari Kampung Orang Asli Kuala Masai gagal terima pampasan

# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

**No. Daftar** : **006-2019/002**

**Tarikh** : **04.06.2019 (Selasa)**

**Jenis Akhbar** : **Berita Harian**

**Jenis Artikel** : **Info PBT**

**Tajuk Artikel** : **PBT perlu efisien tangani masalah, permudah urusan rakyat**

## PBT perlu efisien tangani masalah, permudah urusan rakyat

Proses pembangunan yang mengambil kira aspek ekonomi, sosial dan persekitaran atau merangka dasar berkaitan komuniti, membabitkan pengaruh luas pihak berkuasa tempatan (PBT).

Ini antara peranan PBT sebagai agensi perancangan dalam menterjemah matlamat sosioekonomi dalam bentuk spatial dan fizikal, selain perlu juga memberi keutamaan setimpal kepada keperluan kemudahan perbandaran.

Setiap PBT di Malaysia mempunyai cara pengurusan berbeza bagi menangani pelbagai masalah dan perancangan sedia ada untuk komuniti.

Tema Bajet 2019 baru-baru ini iaitu 'Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik dan Rakyat Sejahtera' semestinya menjadi bualan memandangkan proses pertukaran kerajaan masih lagi ditiitipkan rakyat.

Tidak dinafikan peraturan sedia ada perlu bagi membentuk pematuhan komuniti, namun harus juga menepati faktor keberkesanan dan kecekapan bagi memastikan kos pengurusan tidak meningkat.

Semua aktiviti perniagaan akan bergantung kepada peraturan kompleks dan membebankan usahawan, atau peniaga yang ingin membangunkan komuniti terbabit. Antara yang mungkin boleh ditransformasikan PBT untuk itu adalah mengatasi isu bebanan prosedur kertas kerja.

Sebagai contoh permohonan lesen membabitkan pelbagai jabatan, mungkin boleh diintegrasikan melalui aplikasi dalam talian dan dikemas kini secara konsisten.

Permohonan lesen juga perlu diberikan masa pengendalian bagi mengelak pertindihan serta pengurusan kurang cekap kerana lewat memberikan keputusan kelulusan.

PBT perlu sedar agenda utama kerajaan ialah membantu usahawan menjalankan perniagaan, terutama kepada mereka yang menggunakan saluran yang ada untuk permohonan lesen perniagaan. Sebagai contoh, penambahbaikan berterusan dalam Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

SSM bermula dengan operasi manual dan sekarang sudah bergerak melalui dalam talian bagi memudahkan pengguna mendaftarkan syarikat.

### Sedia standard lebih sesuai

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam hal ini perlu bekerjasama bagi membantu menyediakan standard bersesuaian dengan sistem serta kaedah yang bertepatan dengan komuniti setempat.

Aplikasi i-Tegur diuar-uar Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-73 Februari lalu, perlu diperluas penggunaannya oleh semua rakyat. Aplikasi ini membolehkan pengguna menghantar aduan bergambar dengan lokasi tepat bagi membolehkan PBT mengambil tindakan sewajarnya.

Transformasi ini semestinya mengambil masa dan PBT perlu melihat secara keseluruhan pengurusan serta koordinasi pelaksanaan, pengukuran dan pelaporan, serta pemantauan permohonan usahawan yang terbabit dalam komuniti perniagaan. PBT juga disaran membuat penanda aras dengan PBT lain bagi setiap jabatan.

Tidak mustahil PBT mendahului menjadi ideopolis. Dalam matlamat ini, PBT perlu merangka strategi lebih proaktif dan pihak pengurusannya perlu menetapkan sasaran, semestinya membina sistem pengukuran bersifat 360 darjah. Pelaporan ini sewajarnya menjadi indikator pencapaian dan penambahbaikan bagi strategi seterusnya.

PBT perlu lebih mesra komuniti. Pendekatan turun padang bersama komuniti perlu dipertingkatkan, perundingan bersama komuniti perniagaan perlu dilakukan secara berkala.

Ini membolehkan saluran maklumat dan maklum balas diberikan dapat dijana dan dilihat sebagai satu pendekatan positif untuk anjakan ekonomi komuniti setempat.

Budaya kerja sedia ada di setiap PBT perlu dirombak sekiranya mentaliti sedia ada tidak mampu menerima perubahan yang agak drastik. Peranan lebih efektif dan efisien oleh PBT adalah harapan semua rakyat.

**Thahira Bibi TKM Thangal,**
Pensyarah Kanan Pengurusan,
Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan UiTM Pasir Gudang

No. Daftar : 006-2019/003

Tarikh : 04.06.2019 (Selasa)

Jenis Akhbar : Berita Harian

Jenis Artikel : Info PBT

Tajuk Artikel : 51 Orang Asli dapat kebenaran buat semakan kehakiman

KES GAGAL TERIMA PAMPASAN TANAH

# 51 Orang Asli dapat kebenaran buat semakan kehakiman

[FOTO BERNAMA]

***Sebahagian Orang Asli** dari Kampung Orang Asli Kuala Masai, Pasir Gudang hadir di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru, semalam.*

**Johor Bahru:** Mahkamah Tinggi di sini, semalam membenarkan 51 Orang Asli dari Kampung Kuala Masai, Pasir Gudang membuat semakan kehakiman mandamus selepas gagal menerima pampasan ke atas tanah mereka di Stulang Laut sejak 2010.

Perintah itu dikeluarkan Hakim See Mee Chun selepas menerima permohonan difailkan plaintif yang diwakili peguam Tan Poh Lai pada jam 9 pagi semalam.

Mandamus adalah perintah mahkamah untuk memaksa pelaksanaan sesuatu kewajipan awam yang tertentu.

Plaintif dalam permohonan semakan kehakiman itu diketuai Kelah Lah, 38, dan Khalip Bachik, 57, bersama 49 yang lain, dipindahkan dari perkampungan mereka di Stulang Laut ke Kampung Orang Asli Kuala Masai.

Mereka menamakan Pengarah Tanah dan Galian Johor, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Ketua Pengarah Hal Ehwal Orang Asli sebagai responden pertama hingga ketiga.

Plaintif mendakwa responden gagal mengambil langkah yang perlu untuk menyelesaikan isu pampasan tanah mengikut perintah dikeluarkan Mahkamah Tinggi di sini pada 22 September 2010.

Ketika itu, Mahkamah Tinggi memerintahkan plaintif perlu dibayar pampasan mengikut Akta Pengambilan Balik Tanah 1960 iaitu pengambilan balik yang salah di sisi undang-undang dan pampasan itu perlu ditaksir Pentadbir Tanah Johor Bahru.

Susulan itu, perintah mandamus difailkan bagi mengarahkan responden pertama melaksanakan pentaksiran tanah itu selaras akta dan perintah terbabit.

Mee Chun kemudian membenarkan satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian untuk perbicaraan bagi permohonan semakan kehakiman itu.

# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

| | | |
|---|---|---|
| **No. Daftar** | : | **006-2019/004** |
| **Tarikh** | : | **09.06.2019 (Ahad)** |
| **Jenis Akhbar** | : | **Utusan Malaysia** |
| **Jenis Artikel** | : | **Info PBT** |
| **Tajuk Artikel** | : | **Hantar anak ikuti kelas renang hindari lemas – Lam Thye** |

## Hantar anak ikuti kelas renang hindari lemas - Lam Thye

**KUALA LUMPUR 8 Jun** – Bagi mengurangkan kes kematian lemas dalam kalangan pelajar dan kanak-kanak, ibu bapa digalakkan menghantar anak-anak masing-masing menyertai kelas renang sebagai satu daripada kemahiran hidup mereka.

Ahli Majlis Keselamatan Aktiviti Air Negara, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, langkah ini merupakan satu langkah jangka masa panjang dan merupakan kemahiran yang berguna sepanjang hayat.

LEE LAM THYE

Selain itu, katanya, menerusi kelas renang, para pelajar perlu dididik tentang bahaya lemas selain mempelajari ilmu menyelamatkan mangsa lemas.

"Ahli majlis telah pun berbincang mengenai perkara ini. Kami hendak menggalakkan para ibu bapa memberi peluang kepada anak-anak masing-masing untuk mempelajari renang.

"Buat masa sekarang, bukan semua sekolah ada kolam renang. Ini saya rasa sebilangan kecil saja. Bagi sekolah yang tidak ada kolam renang, pihak sekolah boleh menghubungi mana-mana pihak berkuasa tempatan (PBT) dan boleh berbincang untuk menggunakan kemudahan mereka sebagai tempat belajar renang.

"Kalau ada mana-mana tempat penginapan atau hotel, kalau mereka bersedia jalankan kerja-kerja tanggungjawab sosial korporat (CSR), mereka boleh sediakan kolam mereka untuk digunakan oleh pihak sekolah," katanya kepada *Mingguan Malaysia* ketika ditemui di sini hari ini.

Tambah Lam Thye, kelas renang sangat penting kerana di negara-negara maju, para pelajar digalakkan menyertai kursus renang dan dianggap sebahagian untuk kemahiran hidup.

"Ilmu renang dapat meyakinkan pelajar untuk menjalankan aktiviti air. Diharap ibu bapa main peranan dan menganggap renang sebagai satu jenis sukan," ujarnya.

Menurut Lam Thye lagi, mengikut statistik yang dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, kes kematian akibat lemas dari 2016 sehingga April tahun ini adalah sebanyak 979 kes.

Katanya, dalam tempoh empat bulan pada tahun ini sahaja memperlihatkan 83 kematian akibat lemas.

"Sebanyak 15 kawasan panas telah dikenal pasti berisiko tinggi dan 39 lagi kawasan dianggap berisiko.

"Sekarang musim cuti sekolah, saya hendak sampaikan mesej kepada ibu bapa bahawa mereka harus berhati-hati untuk bawa anak-anak ke tempat rekreasi sama ada di air terjun, sungai atau pun pantai," ujarnya.

# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

| | | |
|---|---|---|
| **No. Daftar** | : | **006-2019/005** |
| **Tarikh** | : | **11.06.2019 (Selasa)** |
| **Jenis Akhbar** | : | **Harian Metro** |
| **Jenis Artikel** | : | **Info PBT** |
| **Tajuk Artikel** | : | **Kasar tapi efektif** |

## Kasar tapi efektif

PAPAN tanda di Jalan Parit Ibrahim, Pontian.

**Pontian:** Mungkin bahasa yang digunakan kasar, namun penduduk terpaksa berbuat demikian bagi mengelak pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah di tempat larangan.

Papan tanda yang dipaparkan di Jalan Parit Ibrahim, di sini, tertera 'Oii monyet... jangan buang sampah di sini lagi' bagaimanapun dilihat berkesan berbanding papan tanda amaran dan denda disediakan pihak berkuasa sebelum ini.

Penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad, 38, berkata, penduduk terpaksa menggunakan papan tanda 'kasar' itu sejak dua bulan lalu apabila masih ramai pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah di kawasan berkenaan.

"Disebabkan terlalu berang dengan longgokan sampah dan beranggapan mereka yang membuang sampah itu tidak faham bahasa Melayu yang sopan, ada penduduk nekad menulis dalam bahasa kasar bertujuan menyelesaikan masalah longgokan sampah.

"Kedudukan kawasan ini berhadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Perhentian dan penduduk tahu bahasa digunakan tidak elok, namun longgokan sampah selama ini bukan saja menyebabkan bau busuk malah membahayakan kesihatan dan nyawa pelajar.

"Ini kerana, sampah berkenaan bertaburan apabila dimakan anjing liar, menyebabkan pembiakan lalat dan longgokan itu menyebabkan pemandu laluan ke Pontian dan Benut terpaksa mengelak menjadikan jalan dua lorong kepada satu lorong. Ini membahayakan nyawa pengguna serta pelajar sekolah," katanya, semalam.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Daerah Pontian (MDP), Mohd Nor Sazlan Abd Razak ketika dihubungi berkata, orang ramai dinasihatkan membuang sampah di tong besar yang disediakan di pusat bandar.

"Kami kerap memantau kawasan pembuangan sampah haram dan menjalankan siasatan bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku," katanya.

# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

| | | |
|---|---|---|
| **No. Daftar** | : | **006-2019/006** |
| **Tarikh** | : | **11.06.2019 (Selasa)** |
| **Jenis Akhbar** | : | **Sinar Harian** |
| **Jenis Artikel** | : | **Info PBT** |
| **Tajuk Artikel** | : | **Johor guna panel solar di bangunan pentadbiran kerajaan negeri tahun depan** |

## Johor guna panel solar di bangunan pentadbiran kerajaan negeri tahun depan

**ISKANDAR PUTERI** - Johor sedang mengkaji pemasangan panel solar di bangunan pentadbiran kerajaan negeri di sini sebagai inisiatif jangka panjang untuk mempromosikan tenaga yang boleh diperbaharui (RE) kepada masyarakat.

Exco Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti, Jimmy Puah Wee Tse berkata, kerajaan negeri sememangnya dijangka menerajui pelaksanaannya.

"Kita sedang berbincang dengan beberapa syarikat solar. Kerajaan negeri akan memulakannya dahulu. Kami akan memperkenalkan penggunaan panel solar di beberapa bangunan pentadbiran.

"Selepas kita memasang panel solar di bangunan ini kita akan mengajak pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk terlibat sama. Tahap ketiga ialah penglibatan sektor swasta.

Katanya, keputusan tersebut dibuat sebagai inspirasi kepada pihak lain untuk mencontohinya.

"Jika kerajaan boleh buat, saya harap PBT juga boleh buat. Jadi, kenapa tidak sektor swasta juga melakukan perkara yang sama?

"Lagipun tenaga solar mempunyai potensi besar di Johor," katanya.

Beliau berkata, kunci kepada inisiatif berkenaan bukan untuk mendapat keuntungan wang ringgit tetapi lebih kepada mewujudkan kesedaran sosial

"Ada banyak tempat kamu boleh memasang panel solar seperti di tempat letak kereta, kompleks beli-belah, stesen bas dan sekolah. Satu pembaziran jika tenaga ini tidak dimanfaatkan.

"Kos bagi panel solar juga telah turun menjadi sangat rendah dan inilah masa yang sesuai untuk melakukannya malah ia juga menguntungkan untuk berbuat demikian," katanya. - *Bernama*

# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

| | | |
|---|---|---|
| No. Daftar | : | 006-2019/007 |
| Tarikh | : | 19.06.2019 (Rabu) |
| Jenis Akhbar | : | Berita Harian |
| Jenis Artikel | : | Info PBT |
| Tajuk Artikel | : | KPDNHEP pantau Pasar Borong Pandan |

# KPDNHEP pantau Pasar Borong Pandan

## Peniaga abai peraturan, tahap kesedaran masih rendah

**Oleh Ifwan Tun Tuah**
ifwan@bh.com.my

**Johor Bahru**

Pasar Borong Pandan di Pusat Perdagangan Pandan di sini, yang terkenal dalam kalangan penduduk serta peniaga di bandar raya ini, kini dalam pemerhatian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ini berikutan pemerhatian pasukan penguatkuasa kementerian itu mendapati masih ramai peniaga mengabaikan beberapa peraturan, terutama membabitkan arahan mempamerkan tanda harga termasuk barang harga terkawal.

Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Dr S Ramakrishnan, berkata beliau kecewa apabila pemeriksaan KPDNHEP di pasar berkenaan malam kelmarin, mendapati tahap kesedaran peniaga masih rendah.

"Malam ini (kelmarin), saya sendiri menyertai KPDNHEP membuat pemeriksaan dalam operasi bersepadu yang turut disertai Jabatan Imigresen, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

"Saya dapat lihat ramai peniaga tidak mempamerkan tanda harga merah jambu menandakan barangan harga terkawal pada produk jualan mereka, terutama membabitkan barang basah seperti ayam, ikan dan daging.

"Ada juga peniaga yang mempamerkan tanda harga kurang jelas dan mengelirukan. Saya sudah mengarahkan KPDNHEP memantau pusat borong ini dan memastikan semua peniaga mematuhi peraturan ditetapkan demi melindungi hak pengguna," katanya ketika ditemui selepas operasi berkenaan, semalam.

### Tahap pematuhan rendah

Operasi bersepadu berkenaan yang bermula jam 6.30 petang hingga 12 tengah malam dibuat sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa (SHMMP) yang dilancarkan pada 21 Mei lalu dan tamat hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, Mohd Hairul Anuar Bohro.

Mengulas lanjut, Ramakrishnan berkata, beliau percaya punca utama keengganan peniaga mempamerkan tanda harga mengikut arahan KPDNHEP adalah disebabkan faktor sikap.

"Secara umum harga barangan yang dijual masih terkawal, namun tahap pematuhan peniaga terhadap peraturan membabitkan tanda harga masih rendah. Kita dapati, ramai mematuhinya sebelum Aidilfitri lalu, namun keadaan berubah selepas hari raya.

"Keadaan ini berpunca daripada sikap. Mereka sangka pemantauan KPDNHEP hanya dibuat sebelum hari raya sahaja. Ini adalah sikap yang salah, mereka perlu mematuhi peraturan sepanjang masa," katanya.

Sementara itu, mengenai operasi di pasar borong itu kelmarin, beliau berkata, KPDNHEP mengeluarkan lapan kompaun kepada peniaga yang tidak mempamerkan tanda harga merah jambu, manakala Jabatan Imigresen menahan 10 pekerja asing tanpa permit.

Mengenai SHMMP, Ramakrishnan berkata, KPDNHEP Johor membuat 46 pemeriksaan pada peringkat pemborong dan 3,656 pemeriksaan pada peringkat peruncit sejak 21 Mei sehingga semalam.

"Secara keseluruhan, kita membuka 104 kertas siasatan dengan 101 kes berkaitan kesalahan tidak mempamerkan tanda harga merah jambu manakala tiga kes adalah membabitkan peniaga menjual barangan melebihi harga kawalan," katanya.

[FOTO MOHD SABRAN MD SANI/BH]

***Ramakrishnan menunjukkan tanda harga merah jambu** sempena operasi bersepadu di Pasar Borong Pandan, semalam.*

| | | |
|---|---|---|
| No. Daftar | : | 006-2019/008 |
| Tarikh | : | 24.06.2019 (Isnin) |
| Jenis Akhbar | : | Harian Metro |
| Jenis Artikel | : | Info PBT |
| Tajuk Artikel | : | Menara MBJB gabung teknologi jimat tenaga |

# Menara MBJB gabung teknologi jimat tenaga

**Johor Bahru:** Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bukan saja diilhamkan daripada firma arkitek sama yang membina mercu tanda Emiriah Arab Bersatu (UAE), Burj Khalifa, malah menggunakan teknologi terbaru penjimatan elektrik.

Datuk Bandar Johor Bahru, Datuk Amran A Rahman berkata, menara 14 tingkat itu menggabungkan reka bentuk bangunan dan tambahan ciri penjimatan tenaga, lebih penting ia mendapat pengesahan bangunan hijau pada 25 Ogos 2017 oleh *Green Building Index*.

"Reka bentuk dan komponen bagi pemindahan bangunan ini mengikut piawaian Bangunan Pejabat Kelas A, ia dicapai melalui kemasan perkhidmatan teknikal berkualiti," katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Dr Sahruddin Jamal berkata, bangunan baru itu bakal menjadi mercu tanda bandar raya ini dengan pelbagai teknologi mesra alam.

*DR Sahruddin (tengah) melihat replika Menara MBJB, semalam.*

"Pembinaan menara dijangka dapat menampung keperluan dan menempatkan semua warga kerja MBJB yang kini melebihi 1,400.

"Pengurusan merancang menjadikan Menara MBJB sebagai ibu pejabat baharu menggantikan kompleks lama berusia lebih 50 tahun.

"Pemindahan ini menyelesaikan masalah dan rungutan pelanggan yang berurusan di MBJB iaitu kekurangan tempat letak kereta," katanya pada Majlis Topping Off Menara MBJB di sini, semalam.

Dr Sahruddin berkata, bangunan itu dilengkapi 583 tempat letak kereta setinggi tujuh tingkat aras bawah dengan kedalaman 30 meter, ia antara tempat letak kereta paling dalam di negara ini.

No. Daftar : 006-2019/009

Tarikh : 24.06.2019 (Isnin)

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Jenis Artikel : Info PBT

Tajuk Artikel : Menara standing Burj Khalifa


# Menara setanding Burj Khalifa

*Pembinaan Menara MBJB bakal menjadi mercu tanda baharu Johor*

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dijangka bakal menjadi mercu tanda baharu Johor kerana menampilkan elemen moden dan teknologi mesra alam.

Reka bentuk penempatan baharu kakitangan MBJB itu setanding dengan menara pencakar langit Burj Khalifa yang terletak di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) kerana diilhamkan oleh firma arkitek sama.

Ilustrasi Menara MBJB yang terletak di Bukit Senyum, Johor Bahru.

Menteri Besar Johor, Datuk Dr Sahruddin Jamal berkata, pembinaan menara tersebut juga dijangka dapat menampung keperluan dan penempatan warga kerja MBJB yang kini berjumlah lebih 1,400 orang.

"Pengurusan MBJB merancang untuk menjadikan menara ini sebagai ibu pejabat baharu menggantikan kompleks lama berusia lebih 50 tahun yang berada di Jalan Dato' Onn, Johor Bahru.

DR SAHRUDDIN

"Perpindahan dari bangunan lama ke baharu ini juga dijangka dapat menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta yang dialami pelanggan," katanya pada Majlis Topping Off Menara MBJB di sini semalam.

Sahruddin berkata, menara tersebut mempunyai tempat letak kereta tujuh tingkat aras bawah sedalam 30 meter yang mana merupakan antara tempat letak kereta paling dalam di negara ini.

Sementara itu, Datuk Bandar MBJB, Datuk Amran A Rahman berkata, antara kelengkapan terbaru yang ada di menara tersebut adalah ciri-ciri penjimatan tenaga elektrik.

"Bangunan ini adalah hasil daripada gabungan reka bentuk bangunan dan tambahan ciri-ciri penjimatan tenaga. Ia juga telah berjaya mendapat pengesahan bangunan hijau pada 25 Ogos 2017 oleh Green Building Index.

"Reka bentuk dan komponen bagi pemindahan bangunan ini adalah mengikut piawaian bangunan pejabat kelas A yang mana ia dicapai melalui kemasan perkhidmatan teknikal berkualiti," katanya.

Menara MBJB baharu yang mula dibina pada 3 April 2017 dijangka siap sepenuhnya pada 1 Januari 2020 nanti.

Menara yang terletak di Bukit Senyum, Johor Bahru itu melibatkan kos pembinaan berjumlah RM308 juta.

Difahamkan, proses pembinaannya sudah 70 peratus siap.

# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

| | | |
|---|---|---|
| **No. Daftar** | : | **006-2019/010** |
| **Tarikh** | : | **25.06.2019 (Selasa)** |
| **Jenis Akhbar** | : | **Utusan Malaysia** |
| **Jenis Artikel** | : | **Info PBT** |
| **Tajuk Artikel** | : | **Tragedi Sungai Kim Kim 2.0** |

BEBERAPA pelajar diberikan bantuan dan rawatan kecemasan selepas didapati muntah-muntah, loya dan pening kepala selepas dipercayai menjadi mangsa terbaharu pencemaran udara di SMK Taman Nusa Damai, Pasir Gudang, Johor, kelmarin.

Pasir Gudang terus dihantui pencemaran udara

## Tragedi Sungai Kim Kim 2.0

Skop Semasa

**Oleh ZULHISHAM ISAHAK**
utusan.johor@gmail.com

PEKARANGAN Sekolah Agama Taman Mawar dan SK Pasir Gudang, Pasir Gudang, Johor semalam lengang.

SELEPAS kira-kira tiga bulan setengah isu pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang yang menyesakkan dan melemaskan negara dengan pelbagai laporan kejadian itu, timbul pula isu pencemaran udara di daerah tersebut.

Pencemaran terbaru itu berlaku semasa kes pertuduhan terhadap suspek Sungai Kim Kim masih berjalan di mahkamah. Kita sudah pastinya menjangka masalah ini akan berulang kerana kes Sungai Kim Kim sebelum ini tidak diselesaikan dengan baik, berkesan dan memuaskan.

Penduduk terutama di Pasir Gudang sudah tentu cemas dan kembali bingung dengan apa yang berlaku. Bukan sahaja penduduk tetapi kali ini pihak berkuasa juga bingung kerana sejak Khamis lalu punca masalah pencemaran udara tersebut masih belum dikenal pasti.

Menurut sumber Skop Semasa, puncanya dikatakan daripada sebuah kilang kitar semula. Jika dilihat sebelum ini pencemaran toksik juga berpunca daripada kilang kitar semula, jika benar nampaknya kilang-kilang sedia ada tidak takut dengan undang-undang atau 'kebal' undang-undang?

Terdapat lebih 2,000 kilang di Pasir Gudang, jadi langkah pemantauan secara berkala dan penguatkuasaan selepas insiden Sungai Kim Kim adalah penting bagi agensi berkaitan memastikannya dijalankan secara tegas serta mematuhi protokol piawaian yang ditetapkan.

Pengusaha kilang tidak takut dengan denda maksimum RM500,000 dan penjara maksimum lima tahun untuk kes pencemaran, sedangkan kesannya kepada alam sekitar dan manusia amat berbahaya serta mengambil masa lama. Itu belum dikira kos untuk membaik pulih contohnya sungai yang tercemar.

Apabila pencemaran udara atau alam sekitar berulang, sudah tentu orang ramai akan melihat kepada bidang kuasa dan peranan pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Ketika ini satu persatu sekolah-sekolah ditutup, keadaan ini dilihat lebih sukar berbanding pencemaran toksik di Sungai Kim Kim kerana tidak diketahui punca sebenarnya. Pengukuran kualiti udara juga tidak menentu kerana hujan pada setiap hari di Pasir Gudang.

Kerajaan negeri sepatutnya sudah mempunyai pengalaman dan mempunyai pelan tindakan dalam mengatasi masalah ini. Jika perlu diisytiharkan darurat, pengumuman tersebut perlu segera dilakukan demi keselamatan penduduk Pasir Gudang.

Respons awal Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim perlu diambil kira dan dipandang serius: "Keluarkan perintah supaya semua kilang-kilang kimia yang mengeluarkan gas supaya berhenti beroperasi sehingga keadaan pencemaran tidak berlaku lagi dan kualiti udara terjamin."

Begitu juga beliau mahu Kerajaan Pusat segera ambil alih daripada kerajaan negeri langkah menangani isu pencemaran udara ini yang berpunca daripada kebocoran gas selain perlunya diisytiharkan darurat bencana jika keadaan semakin teruk.

"Saya mendesak supaya tidak ada usaha untuk menutup maklumat daripada pihak-pihak berkuasa yang cuba melindungi kilang-kilang atau syarikat-syarikat yang telah melanggar undang-undang kualiti alam sekitar.

"Saya tidak mahu mendengar lagi janji-janji manis pemimpin-pemimpin kerajaan negeri dan agensi-agensi pihak berkuasa yang memberi jawapan kosong kononnya keadaan terkawal dan selamat. Yang nyata keadaan sebenar tidak terkawal kini dan tidak selamat," katanya.

# MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

| | | |
|---|---|---|
| **No. Daftar** | : | **006-2019/011** |
| **Tarikh** | : | **27.06.2019 (Khamis)** |
| **Jenis Akhbar** | : | **Harian Metro** |
| **Jenis Artikel** | : | **Info PBT** |
| **Tajuk Artikel** | : | **Pusat Gerakan Operasi Pemantauan lengang** |

## Pusat Gerakan Operasi Pemantauan lengang

**Pasir Gudang:** Suasana Stadium Perbandaran Pasir Gudang yang dijadikan Pusat Gerakan Operasi Pemantauan susulan pencemaran udara di kawasan itu lengang sejak kelmarin.

Semalam genap seminggu insiden itu dilaporkan dan keadaan bertambah sunyi apabila orang ramai yang hadir ke stadium itu untuk mendapatkan rawatan awal lebih sedikit berbanding kelmarin.

Tinjauan Harian Metro mendapati hanya petugas operasi yang berada di bangunan itu seperti anggota polis, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam (APM).

Turut berada di lokasi itu anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan kakitangan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG).

Seorang petugas yang ditemui dan enggan dikenali memaklumkan masih ada orang ramai yang dilaporkan hadir untuk mendapatkan rawatan, bagaimanapun, mereka hanya akan disaring di khemah saringan penyahcemaran oleh pasukan Unit Pengurusan Bahan Kimia Berbahaya (HAZMAT) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Kemudian, mereka yang selesai proses saringan akan diminta untuk mendapatkan rawatan lanjut ke klinik kesihatan berdekatan sekiranya perlu.

"Biasanya, mereka datang waktu malam, mungkin selepas waktu kerja untuk dapatkan rawatan, tetapi di sini tiada pasukan perubatan, jadi mereka hanya akan disaring sebelum diminta ke klinik kesihatan," katanya.

*SUASANA Stadium Perbandaran Pasir Gudang yang dijadikan Pusat Gerakan Operasi Pemantauan susulan pencemaran udara lengang, semalam.*